

14/01/2003

Rancangan serangan Washington dipertahan

KUALA LUMPUR: Ketua delegasi Amerika Syarikat ke mesyuarat ke-11 Forum Parlimen Asia Pasifik (APPF) di sini, Amo Houghton mempertahankan tindakan

negaranya untuk menyerang Iraq.

Dengan mendakwa kononnya tindakan Washington cuma mahu melindungi keselamatan negara kuasa besar itu serta "kawan-kawan kami", Houghton berkata beliau tidak menganggap negara itu mengamalkan sikap pilih kasih dalam dasarnya membabitkan Iraq.

"Amerika hanya cuba melindungi keselamatan negaranya dengan melakukan perkara yang dirasakannya terbaik mengikut keadaan. Kami tidak mahu melakukan serangan awal, tetapi kami mahu melindungi diri kami serta ramai

daripada kawan-kawan kami, jika Iraq mempunyai senjata pemusnah di negaranya," katanya.

Beliau yang berasal dari New York dan menjadi anggota Dewan Perwakilan Amerika Syarikat, diminta mengulas mengenai rancangan negaranya itu untuk

menyerang Iraq yang didakwa mempunyai senjata pemusnah, yang dianggap sesetengah negara Islam sebagai dasar pilih kasih AS.

Ketika ditemui selepas upacara perasmian APPF oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sebuah hotel di sini semalam, Houghton berkata setakat yang membabitkan Iraq, Amerika Syarikat kini bekerja rapat

dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) seperti yang dilakukan semasa perang Teluk.

Katanya, memandangkan pembabitan PBB dilihat sebagai kurang berkesan dalam Desert Storm (Perang Teluk) beberapa tahun lalu, beliau berkata Presiden Amerika Syarikat George W Bush mahukan supaya langkah lebih tegas

diambil kali ini.

"Presiden Bush menyatakan bahawa kita perlu melakukan sesuatu yang lebih

tegas kali ini. Itu sebab kita lakukan apa yang kita kata," katanya.

Beliau berkata kerajaan Amerika memutuskan untuk bekerja rapat dengan PBB daripada melakukan serangan awal secara bersendirian.

Katanya, melalui bekerjasama dengan PBB, akan ada penyelesaian yang baik

dalam konflik Iraq itu.